

28 MAY 2003

Ling-Kabinet/I

DR MAHATHIR TERIMA PELETAKAN LING

PUTRAJAYA, 28 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju menerima peletakan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan.

Bagaimanapun, Dr Ling berkata, peletakan jawatan itu akan berkuatkuasa apabila Perdana Menteri mengumumkan rombakan kabinet nanti.

"Saya akan bercuti selama 30 hari mulai esok, dan perdana menteri telahpun meluluskan cuti saya," katanya kepada pemberita di Kementerian Pengangkutan di sini.

Dr Ling juga berkata mesyuarat kabinet yang dihadapinya hari ini adalah yang terakhir buat beliau.

Katanya Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, akan menjadi pemangku Menteri Pengangkutan semasa beliau bercuti dan sehingga Dr Mahathir mengumumkan rombakan kabinet.

Dr Ling, yang telah meletakkan jawatan sebagai Presiden MCA Jumaat lepas dan digantikan oleh Ong, telah mengemukakan surat peletakan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan kepada Perdana Menteri pada 15 Ogos tahun lepas.

Katanya, pada pertemuan dengan Dr Mahathir hari ini, beliau menegaskan sekali lagi hasratnya untuk bersara daripada jawatan kabinetnya itu serta mengemukakan surat permohonan cuti yang kemudiannya diluluskan oleh Perdana Menteri.

"Perdana Menteri akan memilih waktu yang sesuai untuk mengumumkan penyusunan semula kabinet," katanya.

Dr Ling berkata beliau melepaskan jawatan dengan penuh rasa gembira dan perasaan bersyukur.

Mengimbas semula pengalamannya di dalam kerajaan, Dr Ling berkata beliau telah menunaikan tanggungjawab kepada negara, dan sepanjang perkhidmatannya selama 27 tahun, beliau telah memegang pelbagai jawatan seperti Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri Penerangan, Timbalan Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri Kewangan sebelum dilantik Menteri Pengangkutan.

Dr Ling dilantik Menteri Pengangkutan pada 7 Jan 1986 dan menyandang jawatan itu selama 17 tahun setengah.

"Saya sering menyatakan kepada diri sendiri bahawa saya telah berkhidmat dalam majlis paling tinggi, apa lagi yang hendak diminta selain mengucapkan terima kasih dan berasa gembira," katanya.

Dr Ling juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, MCA, parti-parti komponen Barisan Nasional dan Perdana Menteri kerana telah memberikan kerjasama kepada beliau.

"Berkhidmat di bawah Dr Mahathir merupakan satu pengalaman yang amat besar dan menyeronokkan kerana beliau pemimpin yang hebat dan berpandangan jauh," katanya.

Dr Ling berkata, walaupun tidak lagi menjadi anggota kabinet, beliau sentiasa bersedia untuk memberi apa jua sumbangan termampu.

Ditanya tentang rancangan beliau selepas bersara, Dr Ling berkata beliau akan bercuti di Melbourne, Australia, sambil mengisi masa lapang dengan membaca dan bermain golf.

Diminta menyatakan siapakah yang akan menggantikan beliau sebagai Menteri Pengangkutan, Dr Ling berkata perkara itu adalah hak mutlak Perdana Menteri.

Dr Ling juga mengucapkan terima kasih kepada media kerana telah memberi

kerjasama kepada beliau selama ini.

-- BERNAMA

AT SNS AZZ SP MAI